

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

**TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR menyatakan:**

(a) bilakah Kementerian akan menyiapkan bekalan elektrik luar bandar yang menuju ke Rh Jampong, Melaban yang sekarang ini menyambungkan kabel dari grid sudah siap dilaksanakan namun belum "energized" elektrik ke rumah tersebut; dan

(b) bilakah Kementerian akan menyiapkan elektrik luar bandar di Rh. Lawai, Selidong yang sekarang ini tiang-tiang elektrik sudah tersedia dipasang di sepanjang jalan namun kabel elektrik masih belum dipasang di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) kawasan Sebubu, Peking, Long Teran, Long Jegan dan kawasan Lapok Tinjar dilaksanakan melalui Projek BELB Sambungan Talian Grid Zon 1 (Limbang, Miri dan Bintulu) Negeri Sarawak Tahun 2015 – 2016 (Reka dan Bina) yang mula dilaksanakan pada 16 September 2015 dan tarikh siap asal pada 15 September 2017 dengan kos berjumlah RM81.3 juta. Projek ini telah diberi dua (2) kali lanjutan masa dengan tarikh siap baru pada 15 September 2018.
2. Status kemajuan fizikal pelaksanaan projek ini yang melibatkan skop membekal dan memasang talian grid 33kV, 11kV dan 0.415kV adalah 83% berbanding jadual 100% di Rh Jampong, Melaban. Manakala status kemajuan fizikal pelaksanaan projek BELB di Rh. Lawai, Selidong adalah 52% berbanding jadual 100%.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berlaku kelewatan dalam penyiapan kedua-dua projek ini disebabkan oleh masalah kewangan serius yang dihadapi kontraktor sehingga tiada sebarang kemajuan fizikal di tapak projek.
4. Kontraktor pada masa ini sedang dikenakan denda bagi kelewatan penyiapan projek. Pelbagai usaha dan perbincangan telah dilakukan oleh Kementerian yang turut melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak. Hasil perbincangan, Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju untuk membantu Kementerian dalam mengambil alih dan menyiapkan baki projek yang mana kemajuan kerja adalah kurang daripada 80% termasuk Rh. Lawai, Selidong menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Pengambil alihan projek oleh Kerajaan Negeri Sarawak dijangka selesai pada bulan November 2019 dan projek dijangka disiapkan pada bulan Jun 2020.

Sekian, terima kasih.